
Persediaan bagi CBP – Mendaftar bagi CBP

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)

Maklumat penting berkaitan
Bila dan Bagaimana untuk
Memohon



Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
APA ITU CBP?	1
APA ITU PEMBEKALAN BERCUKAI?	2
APA ITU PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR?	2
APA ITU PEMBEKALAN DIKECUALIKAN?	2
APA ITU PEMBEKALAN BERKADAR STANDARD?	3
APA ITU PEMBEKALAN BERCAMPUR?	3
APA ITU PEMBEKALAN DI LUAR SKOP?	3
APA ITU PEMBEKALAN TIDAK DIAMBIL KIRA?	3
SIAPA DIKEHENDAKI BERDAFTAR?	3
BAGAIMANA SAYA TAHU SAYA PERLU BERDAFTAR?	4
BAGAIMANA CBP BERFUNGSI?	5
BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?	6
Pendaftaran secara manual	7
Pendaftaran elektronik	7
BAGAIMANA SAYA TAHU PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SAYA TELAH DILULUSKAN?	7
TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR CBP	7
INVOIS CUKAI	8
KETERANGAN LANJUT DAN BANTUAN	8
Laman sesawang CBP	8
Pusat Panggailan Kastam	8
Ibu pejabat CBP	8
Pejabat Kastam	9

PENGENALAN

1. Anda perlu mendaftar CBP jika anda membuat pembekalan bercukai dan pendapatan pembekalan bercukai anda dalam tempoh 12 bulan lebih daripada RM500,000.
2. Maklumat dalam risalah ini akan membimbing anda secara ringkas ke atas perincian penting dan proses yang anda perlu tahu samada anda perlu untuk mendaftar bagi CBP apabila ianya dilaksanakan pada 1 April 2015. Keterangan lanjut boleh diperolehi dalam **Panduan Pendaftaran CBP** yang disediakan dalam portal CBP www.gst.customs.gov.my. Anda juga perlu merujuk kepada **Buku Panduan Perkhidmatan Elektronik GST** untuk mengetahui langkah yang perlu diikuti dalam pendaftaran elektronik.

APA ITU CBP?

3. CBP adalah cukai berperingkat dan dikenakan ke atas kebanyakan transaksi perniagaan yang berlaku di Malaysia. Ianya dipungut ke atas nilai ditambah di setiap peringkat rangkaian pengedaran pembekalan.
4. CBP juga dikenakan ke atas barang diimport dan beberapa perkhidmatan diimport.
5. Untuk tujuan CBP, perniagaan mempunyai pengertian yang meluas dan termasuk aktiviti yang dibuat tanpa keuntungan. Pertukaran sumber (samada barang atau perkhidmatan) berlaku setiap hari dalam perniagaan anda. Transaksi berlaku setiap kali suatu pertukaran salah satu sumber berlaku. Contoh transaksi perniagaan adalah seperti berikut:
 - jualan barang;
 - sewaan barang dan perkhidmatan;
 - kegunaan peribadi aset perniagaan;
 - perkhidmatan berbayar disediakan;
 - penerimaan masuk ke premis; dan
 - pembekalan yang dibuat oleh ejen.
6. Transaksi perniagaan yang tertakluk kepada CBP dipanggil pembekalan bercukai. Terdapat juga barang yang diberi pelepasan oleh Menteri daripada pembayaran CBP tertakluk kepada syarat tertentu. Barang sedemikian tidak termasuk dalam skop pembekalan dikecualikan.

APA ITU PEMBEKALAN BERCUKAI?

7. Jika CBP dikenakan ke atas transaksi perniagaan, transaksi sedemikian digelar pembekalan bercukai. Dalam membuat pembekalan bercukai anda mendapat pulangan, samada dalam bentuk wang atau selain wang. Inilah yang ditermakan sebagai *balasan*. (Nilai pembekalan bercukai keseluruhan yang anda buat dipanggil pendapatan bercukai anda.
8. Pembekalan bercukai adalah kadar standard 6% atau kadar sifar, iaitu kosong.

APA ITU PEMBEKALAN BERKADAR SIFAR?

9. Pembekalan berkadar sifar termasuk:
 - Barang keperluan asas seperti beras, ikan segar, daging, ayam, minyak masak dan sayuran segar;
 - Air untuk kegunaan domestic;
 - 300kWh pertama elektrik bagi kegunaan domestic; dan
 - Barang eksport.
10. Untuk senarai lengkap, sila rujuk kepada *Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.
11. Jika anda hanya membuat pembekalan berkadar sifar, anda boleh memohon kepada Ketua Pengarah Kastam (KP) untuk dikecualikan daripada pendaftaran.

APA ITU PEMBEKALAN DIKECUALIKAN?

12. Pembekalan dikecualikan bukan suatu pembekalan bercukai. Ia merupakan suatu transaksi perniagaan yang tidak boleh dikenakan CBP samada pada kadar standard atau sifar. Oleh kerana pembekalan dikecualikan bukan pembekalan bercukai, ia tidak termasuk sebahagian daripada pendapatan bercukai anda.
13. Jika anda hanya membuat pembekalan dikecualikan, anda tidak dikehendaki berdaftar di bawah CBP.
14. Pembekalan dikecualikan termasuk:
 - Bangunan kediaman;
 - Insurans nyawa;
 - Perkhidmatan kesihatan swasta;

- Perkhidmatan pendidikan swasta;
 - Perkhidmatan kewangan;
 - Tanah bagi pertanian dan kegunaan awam;
 - Pengangkutan awam, seperti bas, feri; dan
 - Tol Lebuhraya.
15. Bagi senarai lengkap, sila rujuk kepada *Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014.

APA ITU PEMBEKALAN BERKADAR STANDARD?

16. Barang atau perkhidmatan yang tidak disenaraikan dalam samada *Perintah CBP (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 atau *Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 tertakluk kepada kadar standard 6%.

APA ITU PEMBEKALAN BERCAMPUR?

17. Anda mungkin membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan. Sebagai contoh, pemaju mungkin tidak hanya membina bangunan bagi tujuan kediaman (pembekalan dikecualikan) tetapi juga bagi tujuan perdagangan (pembekalan berkadar standard). Dalam hal sedemikian, anda disebut sebagai pembekal bercampur dan anda hanya boleh menuntut kembali cukai input anda yang berhubungan dengan pembekalan bercukai yang anda buat. Dalam hal pemaju yang disebut terdahulu, dia hanya boleh menuntut kembali cukai input yang ditanggung ke atas bangunan perdagangan itu.

APA ITU PEMBEKALAN DI LUAR SKOP?

18. Pembekalan di luar skop adalah pembekalan yang tidak termasuk dalam peruntukan pengenaan Akta CBP. Ia termasuk transaksi bukan perniagaan, jualan barang dari suatu tempat luar Malaysia ke suatu tempat lain di luar Malaysia serta perkhidmatan yang disediakan oleh sektor Kerajaan [Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Bercukai Kerajaan) 2014].

APA ITU PEMBEKALAN TIDAK DIAMBIL KIRA?

19. Bagi tujuan CBP, pembekalan tertentu tidak diambil kira, contohnya pembekalan antara syarikat yang didaftarkan di bawah Pendaftaran Kumpulan dan pembekalan di dalam atau di antara gudang yang diluluskan di bawah Skim Penggudangan.

SIAPA DIKEHENDAKI BERDAFTAR?

20. Seseorang itu perlu berdaftar jika dia:

- membuat pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan;
 - dalam menjalankan atau penerusan perniagaan;
 - dalam Malaysia; dan
 - yang pendapatan bercukainya dalam suatu tempoh 12 bulan telah melebihi RM500,000.
21. Orang termasuk individu, pemilik tunggal, perkongsian, perbadanan, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau awam, badan berkanun, pertubuhan, kelab, kesatuan sekerja, syarikat kerjasama, usaha sama, badan amanah dan maha-mana badan lain, organisasi, persatuan atau kumpulan orang, samada diperbadankan atau tidak diperbadankan.
22. Jika anda penduduk Malaysia tetapi membuat perkhidmatan di luar negara dalam menjalankan perniagaan anda, anda boleh dikehendaki untuk mendaftar bagi CBP. Begitu juga sebaliknya, jika anda penduduk di luar Malaysia yang mempunyai perniagaan di sini. Sila rujuk kepada Panduan Pendaftaran CBP.

BAGAIMANA SAYA TAHU SAYA PERLU BERDAFTAR?

23. Anda hendaklah mengira pendapatan bercukai anda dengan berasaskan kepada:
- nilai keseluruhan pembekalan bercukai (kadar standard dan kadar sifar)
 - bagi tempoh dua belas (12) bulan
 - tidak termasuk nilai -
 - pembekalan dikecualikan,
 - pembekalan di luar skop,
 - aset modal yang dilupuskan,
 - perkhidmatan diimport (seperti perkhidmatan tertentu yang anda terima daripada luar negara seperti perkhidmatan juru runding dan audit), dan
 - pembekalan tidak diambil kira dibuat di bawah Skim Penggudangan atau dibuat dalam atau antara Kawasan Ditetapkan.
24. Pendapatan bercukai bagi suatu tempoh dua belas (12) bulan boleh ditentukan berasaskan kaedah lampau atau ke hadapan.

Kaedah Lampau

lalah jika **di hujung mana-mana bulan** nilai keseluruhan pembekalan bercukai yang anda telah buat **dalam bulan tersebut dan sebelas (11) bulan yang lepas** telah melebihi RM500,000.

Seseorang itu bertanggung untuk berdaftar bagi CBP dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari daripada tarikh ini.

Kaedah Ke hadapan

Ialah jika nilai keseluruhan pembekalan bercukai **dalam mana-mana bulan serta nilai pembekalan bercukai yang dijangkakan bagi sebelas (11) bulan seterusnya** selepas bulan tersebut akan melebihi RM500,000.

Seseorang itu bertanggung untuk berdaftar bagi CBP dalam tempoh (28) hari daripada hujung bulan tersebut.

25. Jika dalam mengira **pendapatan bercukai** dengan mana-mana kaedah sebagaimana di perenggan 24 amaun itu **melebihi RM500,000**, anda **dikehendaki secara mandatori untuk berdaftar** CBP di bawah Akta CBP.
26. Walau bagaimanapun, jika pendapatan bercukai itu **tidak melebihi RM500,000**, anda ada **pilihan untuk mendaftar secara sukarela**. Ini memberi manfaat yang membolehkan untuk menuntut apa sahaja CBP yang anda telah bayar untuk input bagi perniagaan anda. Oleh kerana anda perlu terus berdaftar bagi tempoh dua (2) tahun apabila anda berdaftar secara sukarela, adalah dinasihatkan supaya anda membuat analisa kos manfaat berasaskan tempoh dua (2) tahun sebelum anda memilih untuk mendaftar secara sukarela.
27. Manfaat jika berdaftar bagi CBP termasuk:
 - Melengkapkan penyata CBP secara berjadual akan membantu anda menyimpan rekod dengan kemas kini dan tepat;
 - Secara amnya, peniaga akan lebih suka untuk melakukan transaksi perniagaan dengan orang berdaftar CBP; dan
 - CBP telah dibayar untuk input yang diperolehi daripada seorang orang berdaftar boleh dituntut sebaik sahaja invois cukai dikeluarkan yang membolehkan anda untuk menggunakannya sebagai modal kerja dalam tempoh bercukai anda sebelum sampai tarikh anda perlu menghantar penyata dan, jika berkaitan, membayar semula CBP itu kepada Kastam.

BAGAIMANA CBP BERFUNGSI?

28. Sebaik sahaja anda berdaftar bagi CBP, anda mesti mengenakan CBP apabila anda membuat pembekalan bercukai. Pembekalan yang anda buat itu adalah output anda dan CBP yang anda kenakan ke atas output adalah **cukai output** anda. Sebagai contoh, dalam perniagaan pengilangan perabut, anda perlu mengenakan 6% apabila anda menjual perabut itu, Jika harga jualan anda termasuk CBP, amaun CBP dikira menggunakan formula berikut:

$$\frac{6\%}{1 + 6\%}$$

29. Bagi tujuan perniagaan anda, anda perlu memperoleh input (seperti kayu, varnis, sewa premis, perkhidmatan jurureka) untuk membuat perabut anda. Jika pembelian anda ini daripada orang berdaftar CBP, anda akan dikenakan CBP ke atas pembelian anda itu. CBP yang dikenakan ke atas pembelian untuk perniagaan adalah **cukai input** anda.
30. Apabila anda mengemukakan penyata CBP anda menurut tempoh bercukai anda, anda hanya perlu mengimbang (tolak) cukai input anda daripada cukai output anda. Jika **cukai output lebih besar daripada cukai input anda, maka anda membayar perbezaan itu kepada Kastam**. Sebaliknya, jika **cukai input anda lebih besar daripada cukai output anda, maka itulah yang dipanggil sebagai satu tuntutan kredit cukai input** yang melibatkan anda. Kastam akan membayar balik perbezaan tersebut.

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?


31. Pendaftaran CBP boleh dibuat secara manual atau elektronik melalui laman sesawang CBP. Permohonan hendaklah menggunakan borang GST-01. Sebelum mengemukakan permohonan, anda perlu menyediakan maklumat berikut:
- Nombor pengenalan samada dalam bentuk:
 - nombor pendaftaran perniagaan sebagaimana yang diperuntukan oleh SSM,
 - nombor kad pengenalan anda,
 - nombor paspot, jika anda bukan warganegara Malaysia
 - nombor pendaftaran yang diberi oleh Pendaftar Pertubuhan
 - nombor pengenalan diperuntukan oleh berbagai pihak berkuasa tempatan, professional atau badan berkanun,yang mana berkenaan dengan anda.
 - Kod industri anda menurut kod Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia (MSIC) 2008. Sila rujuk maklumat kod industri anda di laman utama <http://msic.stats.gov.my>.
 - Nombor akaun bank anda (bagi pembayaran balik) dan satu salinan penyata bank dilampirkan bersama dengan borang permohonan.
 - Peratusan ke atas nilai kesemua pembekalan anda menurut:
 - Pembekalan bercukai;
 - Pembekalan berkadar sifar tempatan;

- Eksport; dan
- Pembekalan dikecualikan.
- Tarikh bila anda melebihi nilai ambang atau bagi yang belum membuat pembekalan bercukai tarikh berniat untuk membuat pembekalan bercukai.

Pendaftaran secara manual

32. Anda boleh memohon untuk mendaftar perniagaan anda secara manual dengan memuat turun borang permohonan CBP daripada Portal GST. Maklumat yang dikehendaki mesti ditaip atau dicetak dalam HURUF BESAR menggunakan dakwat hitam. Borang itu hendaklah dikemukakan ke Pusat Pemprosesan CBP, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, No. 22, Jalan SS 6/3, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor melalui pos. Jangan kepil borang tersebut atau gunakan kelip kertas.
33. Sila tulis nama syarikat anda dan alamat lengkap di bahagian belakang sampul.

Pendaftaran elektronik

34. **'Taxpayer Access Point (TAP)'**, merupakan akses yang membenarkan pembayar cukai mengurus cukai, disediakan di bawah perkhidmatan elektronik. Anda boleh mengakses TAP melalui Portal CBP www.gst.customs.gov.my dan tekan ikon  dan seterusnya tekan "Register for GST". Sistem akan menyediakan panduan setiap langkah bagaimana untuk mendaftar CBP.

BAGAIMANA SAYA TAHU PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SAYA TELAH DILULUSKAN?

35. Sebaik sahaja pendaftaran anda diluluskan, anda akan menerima samada melalui pos atau emel (jika ada) satu Nombor Resit Akuan Terima ke atas pendaftaran anda, tarikh efektif pendaftaran, tempoh bercukai pertama, tempoh bercukai berikutnya, kod stesen dan nama; dan nombor rujukan cawangan atau bahagian (jika ada). Sila rujuk Buku Panduan Perkhidmatan Elektronik GST bagi keterangan lanjut.

TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR CBP

36. Sebagai seorang orang berdaftar CBP, anda perlu mematuhi kehendak di bawah Akta CBP terutamanya ke atas:
 - Pengemukaan penyata pada setiap tempoh bercukai sebelum tarikh tamat,
 - Membayar CBP yang sepatutnya,

- Menyimpan rekod dengan kemaskini dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris bagi tempoh tujuh (7) tahun,
- Pengeluaran invoice cukai, nota kredit atau debit untuk membolehkan tuntutan kredit cukai input,
- Pemberitahuan ke atas penamatan perniagaan.

INVOIS CUKAI

37. Di bawah CBP, invoice cukai dianggap sebagai dokumen yang paling penting bagi perniagaan anda. Anda tidak boleh menuntut semula CBP yang anda telah bayar ke atas barang yang anda beli daripada pembekal melainkan anda mempunyai invoice cukai yang sah. Invoice cukai hanya boleh dikeluarkan oleh orang berdaftar CBP.
38. Sila rujuk kepada Panduan Spesifik CBP berhubung 'Invoice Cukai'.

KETERANGAN LANJUT DAN BANTUAN

Laman sesawang CBP

39. Risalah ini perlu dibaca bersekali dengan Panduan Spesifik atau Industri yang dimuat naik ke Laman sesawang CBP di www.gst.customs.gov.my. Adalah dinasihatkan supaya anda membaca Panduan Am CBP untuk mendapat maklumat yang komprehensif berkenaan CBP sebelum membaca panduan lain.

Pusat Panggailan Kastam

40. Sebarang pertanyaan berkenaan CBP boleh dibuat dengan menghubungi Pusat Panggilan Kastam (PPK). Pusat Panggilan dibuka dari Isnin hingga Jumaat antara 8.30 a.m. to 5.00 p.m.
- (i) Telefon: 1-300-888-500 atau 03-78067200;
 - (ii) Emel: ccc@customs.gov.my;
 - (iii) Faks: 03-78067599.

Ibu pejabat CBP

41. Ibu pejabat CBP boleh dihubungi melalui:

Hotline CBP

03-88822111 atau 03-88822222

Berhubung dengan:

Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian GST,
Aras 3 & 4, No 22 Menara Tulus
Bangunan Boulevard Square
Persiaran Perdana, Presint 3
62100 Putrajaya, Malaysia.

Isnin hingga Khamis : 8.30pagi hingga 5.00ptg
Jumaat : 8.00pagi hingga 12.15ptg
2.45ptg hingga 5.00ptg

(Kecuali cuti umum)

Pejabat Kastam

42. Pertanyaan berkenaan CBP juga boleh dibuat di mana-mana pejabat kastam berhampiran lokasi perniagaan atau organisasi anda di seluruh negara.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Mac 2014

***Perintah-Perintah ini belum digazet. Senarai yang dicadang terdapat di Portal GST di website Jabatan Kastam Diraja Malaysia**